

AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH / HARI : 29 JULAI 2017 (SABTU)

2 29/7/17

Lunaskan segera cukai taksiran

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menggesa pemegang-pemegang harta di kawasan pentadbiran MBSA supaya dapat menunaikan tanggungjawab untuk menjelaskan cukai taksiran bagi penggal kedua sebelum atau pada tarikh 31 Ogos ini.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, bagi memudahkan pemegang harta menjelaskan cukai taksiran, pihak MBSA menyediakan 44 saluran pembayaran antaranya pembayaran di kaunter utama, Wisma MBSA dan juga pejabat cawangan MBSA di Kota Kemuning, Sungai Buloh dan Setia Alam.

"Bil cukai taksiran juga boleh dijelaskan di semua kaunter Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Selangor secara tunai sahaja," katanya.

7